

18/05/1997

Cuepacs sambut baik imbuhan

KUALA LUMPUR: Cuepacs menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan sedang mengkaji semula struktur gaji lebih 800,000 kakitangan awam termasuk pelbagai elaun serta imbuhan yang diberikan sekarang.

Presiden Cuepacs, Mohd Mohamad Jid, berkata Cuepacs bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri untuk membuat kajian semula gaji berdasarkan perbezaan sektor awam dan swasta.

"Dengan cara itu, kita dapat tentukan dasar gaji kakitangan awam sekarang berbanding sektor swasta. Langkah itu penting bagi memastikan taraf hidup kakitangan kerajaan dapat ditingkatkan, katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa kajian semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu termasuk perbandingan gaji serta imbuhan yang diperolehi pelbagai kategori pekerja sektor swasta.

Menurut Dr Mahathir, kajian itu penting bagi membolehkan kerajaan menggunakan laporan berkenaan sebagai garis panduan apabila membincangkan tuntutan kenaikan gaji dan elaun dengan Cuepacs.

(END)